

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 19.05.2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 133

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf Jalan Talungan Tampulan dan Jalan Kiambalang Babagon Toki di kawasan DUN Inanam kerana jalan ini sangat memerlukan penaiktarafan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memahami keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya jaringan jalan raya yang selesa.

Permohonan bagi pelaksanaan menaik taraf Jalan Talungan Tampulan dan Jalan Kiambalang Babagon Toki sememangnya diterima oleh pihak Kementerian. Kementerian mengambil maklum perkara ini dan permohonan akan diangkat bagi pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* akan datang, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.